



Assalamualaikum wbt dan Salam Sejahtera,

YB Menteri/ YB Timbalan Menteri /YBhg. Datuk Dr./ YBhg. Datuk /YBhg. Dato’/YBrs. Dr./Tuan/Puan

2. Sukacita disertakan laporan pemantauan akhbar dan berita berkaitan dengan kementerian ini bertarikh 17 Mac 2023 (Jumaat) untuk makluman dan perhatian sewajarnya.

Disediakan oleh,
Unit Komunikasi Korporat
Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat

BIL	PERKARA	SUMBER	SENTIMEN
1	<p>Tekad Selesaikan Masalah Malpemakanan 5.6 Juta Kanak-Kanak</p> <p>https://www.hmetro.com.my/mutakhir/2023/03/946383/tekad-selesaikan-masalah-malpemakanan-56-juta-kanak-kanak</p> <p>https://www.thesundaily.my/local/zahid-govt-to-immediately-tackle-malnutrition-issue-among-56-million-children-KD10759737</p> <p>https://www.malaysiakini.com/news/658872</p> <p>https://malaysiagazette.com/2023/03/16/isu-pemakanan-tak-seimbang-murid-sekolah-akan-diatasi-tpm/</p>	<p>Harian Metro</p> <p>The Sun Daily</p> <p>Malaysia Kini</p> <p>Malaysia Gazette</p>	Neutral

	<p>https://www.edisi9.com.my/2023/03/masalah-malpemakanan-5-6-juta-kanak-kanak-akan-ditangani-segera-tpm/</p> <p>https://malaysiapost.com.my/2023/03/16/msn-perkukuh-kebajikan-kesejahteraan-kanak-kanak-zahid/?utm_source=rss&utm_medium=rss&utm_campaign=msn-perkukuh-kebajikan-kesejahteraan-kanak-kanak-zahid</p> <p>https://newsway.com/article/govt-to-immediately-tackle-malnutrition-among-5-6-million-children-A2303_Rhh3Ve</p> <p>https://www.sinardaily.my/article/192137/malaysia/nasional/govt-to-immediately-tackle-malnutrition-among-56-million-children</p> <p>https://berita.rtm.gov.my/index.php/semasa/59436-kerajaan-tekad-perangi-pemakanan-tidak-seimbang-kanak-kanak</p> <p>https://www.youtube.com/watch?v=eYcAlwm55Gk</p> <p>https://www.sinarharian.com.my/article/249990/berita-nasional/masalah-malpemakanan-56-juta-kanak-kanak-akan-ditangani-segera</p> <p>https://www.kosmo.com.my/2023/03/16/isu-malpemakanan-kanak-kanak-akan-ditangani-segera-ahmad-zahid/</p> <p>https://www.bernama.com/bm/am/news.php?id=2173652</p>	<p>Edisi 9</p> <p>Malaysia Post</p> <p>Newswav</p> <p>Sinar Daily</p> <p>Berita RTM</p> <p>Astro Awani</p> <p>Sinar Harian</p> <p>Kosmo</p> <p>Bernamea</p>	
2	<p>Laluan Khas Kemasukan Pelajar Melalui Upuonline® Ke IPTA, ILKA Diteruskan</p> <p>https://malaysiagazette.com/2023/03/16/laluan-khas-kemasukan-pelajar-melalui-upuonline-ke-ipta-ilka-diteruskan/</p> <p>https://www.bharian.com.my/berita/nasional/2023/03/1077941/kpt-pertimbang-laluan-khas-ke-ipta-ilka-untuk-lepasan-institusi?utm_source=bh&utm_medium=terkinitabhp</p>	<p>Malaysia Gazette</p> <p>Berita Harian</p>	Neutral

	<p>https://www.buletintv3.my/nasional/laluan-khas-kemasukan-pelajar-ke-ipta-ilka-melalui-upuonline-diteruskan/</p> <p>https://www.astroawani.com/berita-malaysia/laluan-khas-kemasukan-pelajar-ke-ipta-ilka-melalui-upuonline-diteruskan-411166</p> <p>https://utusanv.com/2023/03/16/laluan-khas-kemasukan-pelajar-ke-ipta-ilka-diteruskan/</p>	<p>Buletin TV3</p> <p>Astro Awani</p> <p>Utusan TV</p>	
3	<p>Myspc: Sistem Perlindungan Sosial Diperkukuh</p> <p>https://harakahdaily.net/index.php/2023/03/16/myspc-sistem-perlindungan-sosial-diperkukuh/</p>	<p>Harakah Daily</p>	Neutral
4	<p>Polis Tahan Suami Isteri Disyaki Terbabit Kes Amang Seksual</p> <p>https://sabahmedia.com/2023/03/16/polis-tahan-suami-isteri-disyaki-terbabit-kes-amang-seksual/</p> <p>https://www.kosmo.com.my/2023/03/16/suami-isteri-kendali-rumah-perlindungan-direman-kes-amang-seksual/?utm_source=rss&utm_medium=rss&utm_campaign=suami-isteri-kendali-rumah-perlindungan-direman-kes-amang-seksual</p> <p>https://suaramerdeka.com.my/suami-isteri-ditahan-kes-amang-seksual-ke-atas-penghuni-rumah-kebajikan/</p> <p>https://mykmu.net/2023/03/16/suami-isteri-kendali-rumah-perlindungan-direman-kes-amang-seksual/</p>	<p>Sabah Media</p> <p>Kosmo</p> <p>Suara Merdeka</p> <p>Mykmu</p>	Neutral
5	<p>Suruhanjaya Kanak-Kanak Perlu Jadi Badan Yang Bebas</p> <p>https://www.sinarharian.com.my/article/250032/berita/nasional/suruhanjaya-kanak-kanak-perlu-jadi-badan-yang-bebas</p> <p>https://www.astroawani.com/berita-malaysia/akta-baharu-jadikan-suruhanjaya-kanak-kanak-badan-bebas-azalina-411140</p>	<p>Sinar Harian</p> <p>Astro Awani</p>	Neutral

	<p>https://www.bharian.com.my/berita/nasional/2023/03/1077729/tidak-ada-kabel-hanya-berbekalkan-pengalaman</p> <p>https://www.kosmo.com.my/2023/03/16/dewan-rakyat-suruhanjaya-kanak-kanak-perlu-jadi-badan-bebas/</p> <p>https://www.youtube.com/watch?v=lRe8i6cS5YQ</p> <p>https://www.bernama.com/bm/am/news.php?id=2173789</p> <p>https://berita.rtm.gov.my/~berita/index.php/semasa/59445-undang-undang-khas-tangani-isu-babitkan-kanak-kanak-bakal-diwujudkan</p> <p>https://www.utusan.com.my/berita/2023/03/akta-lindungi-lebih-9-juta-kanak-kanak/</p> <p>https://www.buletintv3.my/nasional/undang-undang-khas-diwujudkan-untuk-jadikan-suruhanjaya-kanak-kanak-sebuah-badan-bebas/</p>	<p>Berita Harian</p> <p>Kosmo</p> <p>Astro Awani</p> <p>Bernamea</p> <p>Berita RTM</p> <p>Utusan</p> <p>Buletin TV3</p>	
6	<p>Kes Jenayah Seksual Kanak-Kanak, Wanita Meningkatkan Tahun Lalu</p> <p>https://www.kosmo.com.my/2023/03/16/kes-jenayah-seksual-kanak-kanak-wanita-meningkat-tahun-lalu/</p> <p>https://www.youtube.com/watch?v=vxo9-xB9Plg</p> <p>https://www.bharian.com.my/berita/nasional/2023/03/1077767/kes-jenayah-seksual-babitkan-kanak-kanak-meningkat</p> <p>https://wartaoriental.com/2023/03/17/12890-kes-jenayah-seksual-kanak-kanak-wanita-direkodkan-tahun-lalu/</p> <p>https://www.utusan.com.my/berita/2023/03/12890-kes-jenayah-seksual-kanak-kanak-wanita-direkodkan-tahun-lalu/</p> <p>https://www.freemalaysiatoday.com/category/bahasa/tempatan/2023/03/16/jenayah-seksual-libat-kanak-kanak-wanita-meningkat/</p>	<p>Kosmo</p> <p>Berita Harian</p> <p>Berita Harian</p> <p>Warta Oriental</p> <p>Utusan</p> <p>FMT</p>	Neutral

	https://headtopics.com/my/12-890-kes-jenayah-seksual-kanak-kanak-wanita-direkodkan-tahun-lalu-36721698	Head Topics	
7	<p>Di Mana Ibu, Waris Noor Aliesya?</p> <p>https://www.hmetro.com.my/mutakhir/2023/03/946372/di-mana-ibu-waris-noor-aliesya</p>	Harian Metro	Neutral
8	<p>Kanak-Kanak Miskin Selangor Dibekalkan Pek Nutrisi – Dr. Mariah</p> <p>https://malaysiagazette.com/2023/03/16/kanak-kanak-miskin-selangor-dibekalkan-pek-nutrisi-dr-mariah/</p> <p>https://selangorkini.my/2023/03/inisiatif-bantuan-makanan-berkhasiat-manfaat-2800-kanak-kanak-tahun-ini/</p>	<p>Malaysia Gazette</p> <p>Selangor Kini</p>	Neutral
9	<p>Suami, Isteri, Bayi Dalam Kandungan Maut</p> <p>https://www.sinarharian.com.my/article/250039/berita/s-emas/suami-isteri-bayi-dalam-kandungan-maut</p> <p>https://www.astroawani.com/berita-malaysia/suami-isteri-bayi-dalam-kandungan-maut-dalam-kemalangan-411176</p>	<p>Sinar Harian</p> <p>Astro Awani</p>	Neutral
10	<p>Warga Emas Kayuh Basikal Lebih 200km Cari Rezeki</p> <p>https://www.sinarharian.com.my/article/250083/edisi/ke-lantan/warga-emas-kayuh-basikal-lebih-200km-cari-rezeki</p>	Sinar Harian	Neutral
11	<p>Jangan Bazirkan Sumber Manusia Warga Emas Yang Produktif, Bertenaga, IQ Tinggi</p> <p>https://www.astroawani.com/berita-malaysia/jangan-bazirkan-sumber-manusia-warga-emas-yang-produktif-bertenaga-iq-tinggi-411181</p>	Astro Awani	Neutral
12	<p>OKU Dan Isteri Berdepan Hukuman Gantung [METROTV]</p> <p>https://www.hmetro.com.my/amp/utama/2023/03/946320/oku-dan-isteri-berdepan-hukuman-gantung-metrotv</p>	Harian Metro	Neutral

	https://www.youtube.com/watch?v=KVDaOxgTrSw https://www.bharian.com.my/berita/nasional/2023/03/1077721/lelaki-oku-isteri-berdepan-hukum-gantung?utm_source=bh&utm_medium=trending https://www.buletintv3.my/nasional/edar-dadah-lelaki-oku-isteri-berdepan-hukuman-mati/	Harian Metro Berita Harian Buletin TV3	
13	Orang Ramai Kagum OKU Penglihatan Tangkas Guna Telefon https://www.kosmo.com.my/2023/03/16/orang-ramai-kagum-oku-penglihatan-tangkas-guna-telefon/ https://mykmu.net/2023/03/17/orang-ramai-kagum-oku-penglihatan-tangkas-guna-telefon-video/	Kosmo Mykmu	Neutral

TEKAD SELESAIKAN MASALAH MALPEMAKANAN 5.6 JUTA KANAK-KANAK

<https://www.hmetro.com.my/mutakhir/2023/03/946383/tekad-selesaikan-masalah-malpemakanan-56-juta-kanak-kanak>

Sumber : Harian Metro



Kuala Lumpur: Masalah malpemakanan dialami kira-kira 5.6 juta kanak-kanak membabitkan murid prasekolah, sekolah rendah dan sekolah menengah rendah bakal ditangani segera, kata Timbalan Perdana Menteri Datuk Seri Dr Ahmad Zahid Hamidi.

Beliau berkata Memorandum Jemaah Menteri akan dibentangkan dalam masa terdekat supaya penyelarasan bagi inisiatif menangani isu berkenaan dapat dilaksanakan memandangkan ia memerlukan kerjasama rentas kementerian dan agensi.

"Ini soal pembentukan fizikal generasi baharu ertinya pembentukan secara lahiriah generasi akan datang, terdapat ketidakseimbangan pemakanan yang diambil bagi membentuk kejuruteraan insan kepada generasi Malaysia akan datang.

"Kita telah membincangkan bahawa peruntukan malpemakanan untuk sekolah-sekolah rendah dan menengah rendah melibatkan kira-kira RM800 juta, dalam soal ini kita juga harus mengambil kira pemakanan di taska atau tadika kerana pembentukan fizikal itu bermula daripada pemakanan," katanya.

Beliau berkata demikian dalam sidang media di Bangunan Parlimen selepas mempengerusikan Mesyuarat Majlis Sosial Negara, yang turut dihadiri Jemaah Menteri termasuk Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat Datuk Seri Nancy Shukri di sini hari ini.

Ahmad Zahid berkata, antara pendekatan bagi menangani kesan isu malpemakanan adalah penyelarasan keseimbangan pengambilan makanan mengikut nasihat daripada bahagian pemakanan Kementerian Kesihatan (KKM) dan inisiatif ini dikoordinasi Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat (KPWK).

"Generasi akan datang Malaysia mesti mengikut piawaian yang ditentukan oleh Pertubuhan Kesihatan Sedunia (WHO) bukan hanya WHO iaitu mengikut ukuran-ukuran tertentu tetapi kita mahu sebagai orang ASEAN keseluruhannya, pembentukan fizikal ini boleh dilakukan jika nutrisi yang diambil itu bersesuaian dengan piawaian ditentukan," katanya.

Beliau berkata, isu malpemakanan itu perlu ditangani supaya generasi rakyat Malaysia yang akan datang tidak mengalami kesan isu malpemakanan seperti masalah bantut dan obesiti.

Turut dibincangkan di mesyuarat itu, isu pendaftaran taska dan pusat jagaan dan cadangan menangani isu gelandangan.

Mengenai isu pendaftaran taska dan pusat jagaan, Ahmad Zahid berkata beberapa pendekatan telah diambil bagi menyelaras isu pendaftaran, kurikulum dan silibus serta piawaian premis bagi taska dan pusat jagaan.

"Penyelarasan mesti dilakukan... ia mesti dilakukan dengan piawaian tertentu agar kumpulan sasaran kita khususnya kanak-kanak prasekolah ini dapat diberikan perhatian terus, bagi membentuk generasi masa depan Malaysia dari segi minda, nutrisi dan pemikiran mereka dalam pembentukan negara bangsa.

"Melalui penyelarasan yang telah kitaersetujui agar apa pun bentuk namanya taska, tabika, tadika, Pusat Asuhan Tunas Islam (Pasti) sekalipun kita mesti lakukan penyelarasan supaya pembentukan negara bangsa yang akan datang selari dengan matlamat negara Madani yang dipacu Perdana Menteri," katanya.

Beliau berkata penyelarasan ini membabitkan pihak berkuasa tempatan (PBT) yang berada di bawah bidang kuasa kerajaan negeri dan juga tabika atau tadika yang kurikulum dan pendaftarannya babit Majlis Agama Islam atau Jabatan Agama Islam negeri-negeri.

Untuk rekod, sebanyak 1,081 taska tidak berdaftar daripada jumlah keseluruhan 4,142 taska manakala 573 pusat jagaan tidak berdaftar daripada 2,961 pada 2022.

LALUAN KHAS KEMASUKAN PELAJAR MELALUI UPUONLINE® KE IPTA, ILKA DITERUSKAN

<https://malaysiagazette.com/2023/03/16/laluan-khas-kemasukan-pelajar-melalui-upuonline-ke-ipta-ilka-diteruskan/>

Sumber : Malaysia Gazette



KUALA LUMPUR – Kerajaan bersetuju untuk meneruskan Laluan Khas Kemasukan Pelajar melalui UPUOnline® ke Institusi Pendidikan Tinggi Awam (IPTA) dan Institusi Latihan Kemahiran Awam (ILKA).

Ia diluluskan dalam Mesyuarat Majlis Sosial Negara yang dipengerusikan oleh Timbalan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr. Ahmad Zahid Hamidi pada 16 Mac lalu.

Menteri Pendidikan Tinggi, Datuk Seri Mohamed Khaled Nordin berkata, Laluan Khas Kemasukan Pelajar ini melibatkan empat kumpulan sasaran iaitu golongan berpendapatan 40% terendah (B40), Orang Kurang Upaya (OKU), Orang Asli dan atlet.

Menurutnya, sejajar dengan hasrat perluasan akses pendidikan tinggi, Kementerian Pendidikan Tinggi (KPT) sedia menimbang cadangan Laluan Khas Kemasukan Pelajar sedia ada kepada calon Lulusan Institusi Kebajikan Sekolah Tunas Bakti, Asrama Akhlak dan Taman Seri Puteri

Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM), Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga & Masyarakat (KPWK).

“Laluan ini merupakan kemasukan melalui kaedah khas dan para calon tidak perlu bersaing dengan kumpulan arus perdana untuk melanjutkan pengajian masing-masing.

“Bagaimanapun, para calon masih perlu memenuhi Syarat Am dan Syarat Khas program pengajian yang dipilih dan akan disaring dalam kumpulan mereka sendiri,” katanya dalam satu kenyataan hari ini.

Mohamed Khaled berharap inisiatif ini dapat memberi manfaat kepada kumpulan sasaran untuk melanjutkan pengajian ke peringkat yang lebih tinggi dan seterusnya melengkapkan diri bagi membolehkan mereka hidup berdikari dan menyumbang bakti secara berkesan ke arah pembangunan Malaysia MADANI.- MalaysiaGazette

MYSPC: SISTEM PERLINDUNGAN SOSIAL DIPERKUKUH

<https://harakahdaily.net/index.php/2023/03/16/myspc-sistem-perlindungan-sosial-diperkukuh/>

Sumber : Harakah Daily



KUALA LUMPUR: Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Hal Ehwal Sabah, Sarawak dan Tugas-Tugas Khas), Dato’ Armizan Mohd Ali berkata, kerajaan melalui Majlis Perlindungan Sosial Malaysia (MySPC) telah mengambil pelbagai langkah bagi memperkukuhkan sistem perlindungan sosial secara umum mahu pun bersasar kepada rakyat.

Menurutnya, bagi membantu penyelarasan gerak kerja, MySPC disokong oleh empat Jawatankuasa Kerja iaitu Jawatankuasa Kerja Bantuan Sosial (JKSA) yang dipengerusikan oleh Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat (KPWK), Jawatankuasa Kerja

Insurans Sosial (JKSI) yang dipengerusikan oleh Kementerian Kewangan Malaysia (MOF), Jawatankuasa Kerja Intervensi Pasaran Buruh (JKLMI) yang dipengerusikan oleh Kementerian Sumber Manusia (KSM) dan Jawatankuasa Kerja Pengurusan Data (JKPD) yang dipengerusikan oleh Jabatan Perangkaan Malaysia.

Katanya, program-program sedia ada meliputi program bantuan sosial, program insurans sosial dan program intervensi pasaran buruh sedang disusun semula dan akan diperkasakan bagi memastikan pelaksanaan dasar dan program perlindungan sosial negara yang lebih komprehensif dan bersepadu.

“Kerajaan juga mengambil kira pelaksanaan amalan terbaik (best practices) perlindungan sosial daripada negara-negara luar sebagai penanda aras,” katanya dalam jawapan bertulis kepada soalan **Dato’ Siti Zailah Mohd Yusoff [PN-Rantau Panjang]** pada persidangan Dewan Rakyat.

Dalam masa yang sama, ujarnya MySPC juga sedang membangunkan Pangkalan Data Perlindungan Sosial (PDPS) yang mengandungi maklumat profil rakyat Malaysia dan program-program perlindungan sosial daripada pelbagai kementerian/agensi.

“PDPS dijangka siap dibangunkan pada tahun 2025 dan akan menjadi single gateway serta sumber rujukan utama program-program perlindungan sosial yang meliputi elemen pekerjaan, insurans sosial dan bantuan sosial,” katanya.

Melalui PDPS, jelasnya agensi pemberi bantuan dan pelaksana program perlindungan sosial dapat merancang pelaksanaan program dengan lebih baik dan dapat mengelakkan ketirisan sumber seperti pemberian bantuan bertindih.

Selain itu, katanya agensi berkaitan juga dapat mengenal pasti penerima manfaat berdasarkan kumpulan sasar yang telah ditetapkan dengan membuat semakan melalui sistem PDPS sekali gus memastikan mereka yang memerlukan tidak tercicir daripada mendapat manfaat yang sewajarnya.

Siti Zailah dalam soalnya meminta Perdana Menteri menyatakan status MySPC bagi memastikan kebajikan rakyat yang terbawah dan memerlukan mendapat bantuan yang sewajarnya dan bantuan kebajikan yang diberikan adalah lebih sistematik dan bersasar. – **HARAKAHDAILY 16/3/2023**

POLIS TAHAN SUAMI ISTERI DISYAKI TERBABIT KES AMANG SEKSUAL

<https://sabahmedia.com/2023/03/16/polis-tahan-suami-isteri-disyaki-terbabit-kes-amang-seksual/>

Sumber : Sabah Media



ARAU: Seorang lelaki dan isterinya yang juga pengendali sebuah rumah kebajikan kanak-kanak di Perlis ditahan polis bagi membantu siasatan kes amang seksual membabitkan seorang daripada penghuni rumah kebajikan berkenaan.

Sumber berkata, kedua-dua suspek yang dipercayai berusia dalam lingkungan 50-an direman sejak minggu lalu.

“Difahamkan, kejadian berlaku di rumah suspek di Jejawi, Arau dan mangsa berusia 20 tahun serta masih berada di bawah perintah Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) Perlis lapor Berita Harian

“Kejadian pula dilaporkan oleh mangsa sendiri yang tampil membuat laporan polis awal bulan ini dan tidak dapat dipastikan sama ada perlakuan seksual itu sudah berlaku sejak sekian lama ketika mangsa masih berada di bawah usia ketika itu atau tidak,” katanya.

Ketua Polis Daerah Arau, Superitendan Ahmad Mohsin Md Rodi ketika dihubungi mengesahkan penangkapan suspek.

Beliau berkata, kes disiasat mengikut Seksyen 14(a) Akta Kesalahan Seksual Terhadap Kanak-Kanak 2017 kerana amang seksual.

Bagaimanapun, beliau enggan mengulas lanjut mengenai perkembangan kes berkenaan kerana siasatan masih diteruskan.

Sementara itu, tinjauan di rumah kebajikan itu mendapati penghuninya sudah dipindahkan ke beberapa kemudahan rumah perlindungan kanak-kanak JKM Perlis di negeri itu.

Pengarah JKM Perlis, Ku Chik Ku Mat Esa ketika dihubungi turut tidak mahu mengulas lanjut perkembangan kes berkenaan.

SURUHANJAYA KANAK-KANAK PERLU JADI BADAN YANG BEBAS

<https://www.sinarharian.com.my/article/250032/berita/nasional/suruhanjaya-kanak-kanak-perlu-jadi-badan-yang-bebas>

Sumber : Sinar Harian



KUALA LUMPUR - Kerajaan sedang menggubal akta khas bagi membolehkan Pejabat Pesuruhjaya Kanak-Kanak beroperasi secara bebas dan bertindak sebagai pemerhati terhadap pelbagai isu membabitkan golongan itu di Malaysia.

Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Undang-Undang dan Reformasi Institusi) Datuk Seri Azalina Othman Said berkata, adalah penting untuk terus memperkasa Pesuruhjaya Kanak-Kanak Dr Farah Nini Dusuki dan pejabatnya yang kini beroperasi di bawah Suruhanjaya Hak Asasi Manusia Malaysia (Suhakam).

Beliau berkata, suruhanjaya kanak-kanak harus bebas agar ia dapat memantau secara berkesan dan agresif bukan sahaja undang-undang jenayah yang membabitkan golongan itu tetapi juga segala aspek berkaitan kesejahteraan mereka seperti pendidikan serta kesihatan.

"Limitasi Suhakam adalah ia lebih (fokus) kepada hak asasi manusia tetapi kepakaran seorang pesuruhjaya sebagai pemerhati perlu lebih daripada isu hak asasi. Itu sebab perlu akta yang menyokong Pesuruhjaya Kanak-Kanak.

"Sekarang ia kekok dari segi operasi, pembelanjaan dan kuasanya di bawah Suhakam," kata beliau dalam sidang media di pejabatnya di bangunan Parlimen di sini pada Khamis.

Azalina berkata, akta khas itu, yang dijangka dibentang pada tahun ini, juga akan memberi kuasa kepada Pesuruhjaya untuk memantau, menilai, memberi pendapat dan membantu kerajaan dalam memastikan hak kanak-kanak dipertahan dan kebajikan mereka terpelihara.

Farah Nini pula berkata, impian dan hasrat beliau sebagai Pesuruhjaya Kanak-Kanak ialah untuk memahami orang ramai bahawa hak kanak-kanak adalah istimewa manakala keupayaan mereka yang sentiasa berkembang memerlukan layanan khas.

"Penglibatan kanak-kanak sering diabaikan... saya mahu mengubah perkara ini. Keputusan kita seharusnya lebih bersifat mementingkan kanak-kanak supaya apa sahaja yang kita lakukan adalah demi kepentingan mereka dan bukan untuk keselesaan kita," katanya.

Pensyarah kanan di Fakulti Undang-Undang Universiti Malaya itu dilantik sebagai Pesuruhjaya Kanak-Kanak di bawah Suhakam untuk tempoh tiga tahun yang berkuat kuasa pada 8 Mac lepas.
- Bernama.

KES JENAYAH SEKSUAL KANAK-KANAK, WANITA MENINGKAT TAHUN LALU

<https://www.kosmo.com.my/2023/03/16/kes-jenayah-seksual-kanak-kanak-wanita-meningkat-tahun-lalu/>

Sumber : Kosmo



KOTA BHARU – Kes jenayah termasuk seksual yang melibatkan kanak-kanak dan wanita di negara ini mencatatkan sebanyak 12,890 kes pada tahun lalu.

Pengarah Jabatan Siasatan Jenayah Bukit Aman, Datuk Seri Abdul Jalil Hassan berkata, jumlah itu menunjukkan peningkatan berbanding 2020 apabila sebanyak 11,092 kes dilaporkan pada tahun tersebut.

Menurutnya, jenayah seksual itu membabitkan kes rogol, cabul, sumbang mahram, cabul kehormatan, gangguan seksual, amang seksual, berkomunikasi seksual dengan kanak-kanak, penderaan kanak-kanak, buang bayi dan keganasan rumah tangga.

“Jumlah kes rogol pada tiga tahun lalu mencatatkan sebanyak 1,378 kes dan meningkat kepada 1,398 kes pada 2022.

“Kes sumbang mahram yang dilaporkan juga meningkat iaitu daripada 259 kes kepada 264 kes, cabul kehormatan (daripada 838 kes kepada 865 kes), gangguan seksual (daripada 378 kes kepada 466 kes), dera kanak-kanak (daripada 545 kes kepada 687 kes) dan keganasan rumah tangga (daripada 5,260 kes kepada 6,540 kes) dalam tempoh tersebut,” katanya

Mengulas lanjut Abdul Jalil memberitahu, faktor yang menyebabkan kes-kes tersebut meningkat antaranya kepincangan keluarga, media sosial, gajet tanpa kawalan, tekanan hidup dan taraf ekonomi.

Katanya, kes keganasan rumah tangga juga menyebabkan anak-anak terbiar dan tidak dipedulikan oleh ibu bapa sebelum mereka turut menjadi mangsa selain kemudahan teknologi tanpa kawalan ibu bapa turut menjadi penyumbang kes.

“Sehubungan itu, ibu bapa dinasihatkan supaya mengawal tingkah laku anak-anak daripada melayari laman web tertentu,” ujarnya kepada pemberita selepas Majlis Perasmian Pusat Temu Duga Kanak-Kanak, Jabatan Siasatan Jenayah, Ibu Pejabat Polis Kontinjen (IPK) Kelantan di Perumahan Polis Kemumin, Pengkalan Chepa, di sini hari ini. – KOSMO! ONLINE

DI MANA IBU, WARIS NOOR ALIESYA?

<https://www.hmetro.com.my/mutakhir/2023/03/946372/di-mana-ibu-waris-noor-aliesya>

Sumber : Harian Metro



Kuala Terengganu: Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) Terengganu mencari ibu kandung atau waris seorang kanak-kanak perempuan yang kini berada di bawah jagaannya sejak 2019.

Noor Aliesya Natasha Abdullah yang berusia tiga tahun kini ditempatkan di institusi JKM iaitu Pelindung Pejabat Kebajikan Masyarakat Daerah Kemaman.

Pegawai Kebajikan Masyarakat Daerah Kemaman Mohd Fadzli Ismail berkata, pihaknya sedang mengesan ibu kandungnya yang dikenali Hazlida Ghazali, 38, selepas tempoh jagaan kanak-kanak itu sudah tamat.

Menurutnya, kali terakhir ibu kandung kanak-kanak dikesan ketika membuat permohonan perintah jagaan di mahkamah, tiga tahun lalu.

"Selepas kanak-kanak berkenaan mendapat perintah jagaan kepada JKM, ibu kandungnya menghilangkan diri selain tidak berjumpa atau berhubung dengan anaknya.

"Kami (JKM), mendapat perintah sementara oleh mahkamah bermula 20 Oktober hingga 21 November 2019, manakala perintah jagaan tetap diberikan pada 4 Februari 2020 hingga 4 Februari lalu," katanya ketika dihubungi di sini, hari ini.

Mohd Fadzli berkata, pihak pelindung mahu mendapatkan ibu kandung atau waris bagi membincangkan penempatan baharu untuk Noor Aliesya Natasha.

Menurutnya, pihak mahkamah juga menerima permohonan daripada JKM untuk pengecualian Seksyen 15 (3) Akta Kanak-Kanak 2001 bermula 8 Mac lalu untuk siaran media selama sebulan.

"Kita berharap ibu kandung atau waris adik Noor Aliesya Natasha tampil untuk penilaian penempatan terbaik pada masa depan.

"Sehubungan itu, orang ramai yang mempunyai maklumat atau mengenali ibu kandung atau waris kanak-kanak berkenaan boleh menghubungi Pejabat Kebajikan Masyarakat Kemaman di talian 09-8591686," katanya.

KANAK-KANAK MISKIN SELANGOR DIBEKALKAN PEK NUTRISI – DR. MARIAH

<https://malaysiagazette.com/2023/03/16/kanak-kanak-miskin-selangor-dibekalkan-pek-nutrisi-dr-mariah/>

Sumber : Malaysia Gazette



SHAH ALAM – Kanak-kanak dari keluarga miskin bandar di Selangor diberi perhatian kerajaan negeri menerusi program Anak Selangor Anak Sihat (ASAS) dengan memberi mereka makanan sihat.

Pengerusi Jawatankuasa Kesihatan Awam, Perpaduan dan Pembangunan Wanita & Keluarga negeri, Dr. Siti Mariah Mahmud berkata, inisiatif program ASAS yang bermula pada 2021 telah memberi manfaat kepada 500 kanak-kanak.

Katanya, program tahun itu dianggap sebagai perintis untuk kerajaan negeri meneruskan memberi perhatian khusus kepada golongan berkenaan bagi tahun berikutnya dengan beberapa penambahbaikan.

“Program ini diadakan dengan kerjasama Universiti Islam Antarabangsa Malaysia (UIAM) dengan memberikan pek nutrisi asas mengandungi susu formula kepada kanak-kanak berumur enam tahun ke bawah.

“Pemilihan kanak-kanak ini berdasarkan masalah kekurangan zat makanan di kalangan golongan miskin bandar di lapan kawasan Dewan Undangan Negeri (DUN) yang terpilih.

“Seramai 500 penerima pek nutrisi ini akan dipantau selama enam bulan. Kita rekod ukuran tinggi dan berat mereka secara bulanan untuk melihat perkembangan tumbesarnya,” katanya pada Sidang DUN Selangor, di sini, hari ini.

Menurut Dr. Mariah, data daripada laporan menunjukkan perkembangan mereka amat positif, di mana kanak-kanak ini telah mengalami peningkatan dari segi ketinggian dan berat sepanjang mengikut program berkenaan.

“Program ASAS bagi 2021 adalah program rintis dan bagi tahun 2022 program ini telah dibuat penambahbaikan dari segi pek nutrisi yang diberikan dan juga bilangan penerima.

“Bilangan penerima dinaikkan kepada 720 orang yang dibahagikan kepada dua kohot dengan setiap kohot akan mengikuti program ini selama lima bulan, menjadikan jumlah keseluruhan program ini selama 10 bulan,” katanya.

Beliau berkata, kanak-kanak yang terpilih dalam program ASAS tahun 2022 menerima pek nutrisi seperti susu formula, makanan berkhasiat berasaskan bijirin, multivitamin, biskut dan snek berasaskan buahan serta yogut setiap bulan. – MalaysiaGazette

SUAMI, ISTERI, BAYI DALAM KANDUNGAN MAUT

<https://www.sinarharian.com.my/article/250039/berita/semasa/suami-isteri-bayi-dalam-kandungan-maut>

Sumber : Sinar Harian



ISKANDAR PUTERI - Sepasang suami isteri termasuk bayi dalam kandungan, maut setelah motosikal yang dinaiki terbabas di Kilometer (KM) 18.4J (arah Gelang Patah), pada awal pagi Khamis.

Ketua Polis Daerah Iskandar Puteri, Asisten Komisioner Rahmat Ariffin berkata, kemalangan dipercayai berlaku akibat penunggang motosikal hilang kawalan sebelum terbabas ke pembahagi jalan.

Menurutnya, kemalangan tidak melibatkan kenderaan lain di lokasi.

“Penunggang motosikal berkenaan berusia 36 tahun manakala isterinya 30 tahun dan bayi dalam kandungan berusia enam bulan setengah.

“Kedua-dua mangsa mengalami kecederaan parah di bahagian muka, badan, tangan dan disahkan meninggal dunia di lokasi kejadian,” katanya.

Rahmat berkata, mayat kesemua mangsa dihantar ke Hospital Sultanah Aminah (HAS) bagi tujuan bedah siasat dan mengenal pasti punca sebenar kematian.

WARGA EMAS KAYUH BASIKAL LEBIH 200KM CARI REZEKI

<https://www.sinarharian.com.my/article/250083/edisi/kelantan/warga-emas-kayuh-basikal-lebih-200km-cari-rezeki>

Sumber : Sinar Harian



KOTA BHARU - Perit perjalanan hidup seorang lelaki warga emas untuk mencari sesuap nasi hingga sanggup mengayuh basikalnya lebih 200 kilometer ke Terengganu bagi mendapatkan upah mencuci kawasan.

Mat Zin Mahamud, 70, berkata, dia tidak mempunyai anak kerana tidak pernah berkahwin dan hidup bersendirian di rumah pusaka di Kampung Pulau Gajah, Pengkalan Chepa di sini.

“Saya dalam perjalanan nak ke Paka, Terengganu. Ada kawan di sana nak bagi saya kerja.

“Saya diberi upah RM20 hingga RM30 setiap kali melakukan kerja-kerja mencuci kawasan seperti di lokasi perumahan,” katanya ketika ditemui Sinar Harian di sini pada Khamis.

Menurut lelaki itu, empat adik-beradiknya sudah lama meninggal dunia akibat pelbagai penyakit seperti kencing manis dan darah tinggi.

Kata Mat Zin, selain mengambil upah untuk membolehkannya membeli makanan, dia juga mendapat ihsan daripada jiran-jiran yang memberikan makanan dan minuman kepadanya.

“Basikal ini saya beli untuk pergi buat kerja bersihkan kawasan.

“Saya tiada siapa-siapa di dunia ini. Ibu bapa saya sudah lama meninggal dunia, tetapi bapa tinggalkan rumah yang boleh saya duduki,” ujarnya sebak.

JANGAN BAZIRKAN SUMBER MANUSIA WARGA EMAS YANG PRODUKTIF, BERTENAGA, IQ TINGGI

<https://www.astroawani.com/berita-malaysia/jangan-bazirkan-sumber-manusia-warga-emas-yang-produktif-bertenaga-iq-tinggi-411181>

Sumber : Astro Awani



KUALA LUMPUR: Warga emas yang mampu menyumbang ilmu dan kemahiran tidak wajar dipinggirkan, sebaliknya pengetahuan mereka perlu disalurkan kembali kepada generasi muda untuk manfaat jangka masa panjang.

Menurut Pegawai Psikologi Lembaga Penduduk dan Pembangunan Keluarga Negara (LPPKN), Pulau Pinang, Nathir B. Mehamad, golongan sedemikian boleh diundang sebagai ahli panel dalam pelbagai program selain menyumbang masa sebagai ikon dan rujukan oleh generasi muda.

Jangan bazirkan sumber manusia warga emas yang produktif, bertenaga dan IQ Tinggi
“Pada satu bahagian kita perlu lihat kepada warga emas yang produktif, ada ilmu dan kemahiran. Kumpulan ini tidak wajar kita kesampingkan. Mereka ini boleh dijadikan sebagai model, dijemput sebagai panel untuk terlibat dalam program belia dan remaja.” katanya dalam program Dialog Tiga Penjuru terbitan Astro AWANI yang mengupas tajuk ‘*Golongan Tua Paling Murung di Malaysia?*’.

Nathir turut menjelaskan, di peringkat Lembaga Penduduk dan Pembangunan Keluarga Negara (LPPKN) pelbagai usaha dilaksanakan untuk memastikan tenaga warga emas yang mempunyai lebih banyak masa lapang ini dimanfaatkan sebaiknya.

“Di LPPKN kita ada pusat remaja KafeTEEN. Di sini kita himpulkan remaja berusia 13 hingga 24 tahun sahaja. Kebanyakan sumber, maklumat dan servis diberikan daripada individu (warga emas) yang mempunyai kepakaran dalam ilmu kemahiran, teknologi dan sebagainya.

“Pengalaman-pengalaman mereka ini telah kita gabungkan supaya pada sisi lain, anak-anak remaja boleh mengguna pakai keberuntungan yang masih ada pada warga emas yang masih produktif, bertenaga dan ada IQ yang tinggi. Supaya setidak-tidaknya kita tidak membazir sumber manusia yang masih berkualiti tinggi.” Katanya

OKU DAN ISTERI BERDEPAN HUKUMAN GANTUNG [METROTV]

<https://www.hmetro.com.my/amp/utama/2023/03/946320/oku-dan-isteri-berdepan-hukuman-gantung-metrotv>

Sumber : Harian Metro

Georgetown: Lelaki berstatus orang kurang upaya (OKU) dan isterinya berdepan hukuman gantung sampai mati selepas didakwa di Mahkamah Majistret di sini, hari ini, atas pertuduhan mengedar dadah jenis Methamphetamine, 5 Mac lalu.

Tertuduh, Shahrizal Said, 46, dan Zarimah Yusof, 43, menganggu faham selepas pertuduhan terhadap mereka dibaca di hadapan Majistret Melati Diana Abdul Wahab.

Mengikut pertuduhan, kedua-duanya didakwa mengedar Methamphetamine seberat 310 gram.

Kesalahan itu didakwa dilakukan di 491, Batu Uban, Gelugor di sini, pada jam 12 tengah hari, 5 Mac lalu.

Mereka didakwa mengikut Seksyen 39B(1)(a) Akta Dadah Berbahaya (ADB) 1952 dan boleh dihukum mengikut Seksyen 39B(2) akta sama, sabit kesalahan boleh dihukum gantung sampai mati atau penjara seumur hidup dengan minimum 15 sebatan.

Pada prosiding itu, pendakwaan yang dikendalikan Timbalan Pendakwa Raya Nurul Atikah Asharaf Ali tidak menawarkan sebarang jaminan terhadap tertuduh.

Sementara itu, di mahkamah sama, pasangan berkenaan turut berdepan pertuduhan mengedar Methamphetamine dan kanabis bersama seorang individu yang masih bebas di sebuah kondominium di Gelugor.

Bagaimanapun, tiada pengakuan direkodkan daripada kedua-dua tertuduh berkenaan.

Mengikut pertuduhan, pasangan itu bersama seorang lelaki yang masih bebas didapati mengedar Methamphetamine seberat 6,489 gram dan kanabis seberat 7,144 gram.

Ketiga-tiga mereka didapati melakukan kesalahan itu di Oasis Kondominium Gelugor, jam 2.10 petang, 5 Mac lalu.


Mereka didakwa mengikut Seksyen 39B(1)(a) ADB 1952 dan boleh dihukum mengikut Seksyen 39B(2) akta sama yang membawa hukuman gantung sampai mati atau penjara seumur hidup dengan minimum 15 sebatan, jika sabit kesalahan.

Mahkamah kemudian menetapkan 22 Jun ini untuk sebutan semula tiga kes terbabit sementara menunggu laporan kimia.

ORANG RAMAI KAGUM OKU PENGLIHATAN TANGKAS GUNA TELEFON

<https://www.kosmo.com.my/2023/03/16/orang-ramai-kagum-oku-penglihatan-tangkas-guna-telefon/>

Sumber : Kosmo



PETALING JAYA – Seorang lelaki yang juga orang kurang upaya (OKU) penglihatan berkongsi cara menggunakan telefon bimbit membuatkan orang ramai berasa kagum.

Menerusi perkongsian satu video TikTok, pemuda tersebut dikenali sebagai Loh Boon Keat menunjukkan cara menggunakan 'braille keyboard' dengan menyentuh skrin telefon, malah dia melakukannya begitu pantas.

“Ada yang tertanya macam mana kami ‘blind’ (buta) menaip. Sesetengah orang boleh pakai ‘braille keyboard’ dan macam saya pun boleh (guna).”

“Jadi apa itu ‘braille keyboard’, timbul atas skrin? Boleh raba? Kalau itu lain, itu ‘braille display’, tapi saya tak cover dalam ni (tak jelaskan dalam video) sebab saya tak ada. Harga ‘braille display’ minimum RM2,000 atau RM3,000.

“Untuk ‘braille keyboard’ ini kita susun jari atas skrin dan menaip seperti mana orang guna mesin braille,” katanya pada video tersebut.

Dalam video itu, Boon Keat yang telah memeluk agama Islam sejak enam tahun lalu menunjukkan cara dia menaip selain melayari media sosial Facebook termasuk membaca komen dan membalasnya.

“Kalau orang dah biasa guna ‘braille keyboard’, dia boleh taip sambil jalan. Cuma bahaya kalau katalah orang tarik telefon,” ujarinya.

Sementara itu, pengguna media sosial memuji pemuda tersebut, malah tidak terkecuali kagum dengan penerangan Boon Keat yang disifatkan seperti pengacara.

“Bijak brother ni. Jelas sebiji-sebiji perkataan. Sedap dengar dia cakap, boleh jadi pengacara atau pembaca berita,” kata Mohdsahrinizwan.

“Aku taip keyboard pun tak laju macam ni. Power, Allah Maha Besar,” ujar HafizHassan1983.

“Itu yang dikatakan ciptaan Allah itu sempurna. Kita hanya lihat dengan mata, tidak dengan hati,” ujar Sadhri.OKCS. – KOSMO! ONLINE